
[Bil.3 Okt 2018](#)

UMP melonjak kedudukan ke-188 Universiti Terk

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah membanggakan apabila mencatatkan pencapaian terbaik dengan memperbaiki kedudukan dari 251-300 kedudukan 188 terbaik di Asia.

Lebih membanggakan lagi pencapaian ini diperoleh sebaik sahaja UMP dianugerahkan Penarafan 5 Bintang QS Asia 2019 pada 11 Julai 2018 lalu.

Bukan itu sahaja malahan sepanjang tahun ini, UMP mencapai kecemerlangan apabila meraih cemerlang dalam pencapaian termasuklah Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMoes) dan Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Akauntabiliti Jabatan Audit Negara.

Dengan keputusan *QS Asian University Rankings 2019* yang telah diumumkan baru-baru ini, UMP meraihi kedudukan 188 terbaik di Asia, mengalahkan universiti teknikal (MTUN) yang berjaya berada pada tahap kedudukan terbaik Asia.

Pencapaian ini mengambil kira 11 kriteria penilaian iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah fakulti, jumlah penerbitan saintifik per fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa, staf akademik antarabangsa, penerbitan antarabangsa, pertukaran pelajar antarabangsa ke dalam negara.

Selain itu, UMP mencatatkan perkembangan positif bagi dua kriteria utama iaitu reputasi akademik dan infrastruktur asas dan halatuju universiti yang semakin kukuh dan matang.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim, penarafan ini merupakan pengiktirafan membolehkan UMP mengkaji dan memperbaiki pencapaian universiti dari pelbagai perspektif.

Ujarnya, menjadi antara universiti yang agak muda di Malaysia juga merupakan cabaran terutamanya dalam pihak industri dan ahli akademik dan universiti terkemuka.

“Walau bagaimanapun, UMP mampu bersaing dan menempatkan diri antara universiti terbaik Asia dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

“Bertepatan dengan tema menjana kegemilangan UMP akan terus memfokuskan lima lonjakan strategik Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Keunggulan Jenama dan Kemampanan Sosioekonomi.

UMP akan terus memperkasa bidang pendidikan, Penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dengan lebih kreatif juga inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

UMP dan Asahitechno Co. Ltd bangunkan teknologi Super Well

Oleh: MOHD IRWAN MUSA DAN AHMAD AMIRUL FAIZ AHMAD TAJUDIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) jalin kerjasama dengan Asahitechno Co. Ltd Japan dalam perkongsian menguatkan struktur tanah (ground improvement) dan mengurangkan aras air dalam tanah (*ground water*) *Super Well Point* bagi menangani masalah banjir di negeri ini.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden Takahashi menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dalam majlis yang berlangsung di Dewan B pada 17 Oktober 2018 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir, negeri Pahang sering terdedah kepada risiko banjir yang

biasanya berlaku pada setiap hujung tahun.

“Usaha secara kolektif ini tidak mungkin dilakukan tanpa sokongan pelbagai pihak termasuk bantuan dan berkepentingan yang berkaitan.

“UMP komited dalam menjalankan penyelidikan berimpak tinggi melibatkan kerjasama strategik agensi ke industri selari dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan ‘Memasyarakatkan Teknologi’,” katanya.

Dalam pada itu Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS) juga akan menjalankan penyelidikan bersama dengan Yamaguchi University, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang dan Jabatan Pengairan dan mengurangkan masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk setempat.

Turut berlangsung penyerahan Geran Antarabangsa Japan International Cooperation Agency (JICA) penyelidikan bertajuk *‘Feasibility Survey for Utilizing Super Well Point Method for Soft Ground Improvement* diketuai Pengarah ERAS, Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan.

Turut sama hadir Pengarah JPS Negeri Pahang, Ir. Jamil Shaari, Profesor Emiritus Dr. Masayuki Hyodo dan Kanan (Operasi dan Kawalselia) Lembaga pelabuhan Kuantan, Dato’ Asmawi Nordin dan Timbalan Naib Dato’ Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Produk Umpan Anai-anai Psoptera tembusi pasaran

UMP Ecopest yang merupakan anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menembusi pasaran iaitu umpan anai-anai mesra alam yang diperbuat daripada tandan kelapa sawit kosong (EFB) bagi kegunaan pokok gaharu milik Syarikat Ajmal Perfumes di Assam, India pada 22 September 2018.

Ajmal Perfumes merupakan sebuah syarikat pengeluar minyak gaharu terbesar di India dan mempunyai kilang di Assam.

Hasil kerjasama ini, pihak Ajmal Perfumes seluas satu ekar kawasan ladang pokok gaharu ini dijadikan sebagai projek demonstrasi produk Pisoptera ini.

Menurut Pengarah Urusan UMP Ecopest, Syukur Abd.Razak, berdasarkan pemerhatian dan lawatan ke ladang, beliau mendapati 99 peratus kawasan ujian tersebut diserang anai-anai.

“Serangan anai-anai ini telah memberi implikasi yang buruk terhadap tumbesaran pokok gaharu dan berakibatkan pokok gaharu semakin merudum.

“Produk Pisoptera ini dihasilkan daripada tandan kosong buah sawit yang dibasuh dan dikeringkan sebelum digunakan. Produk ini mengandungi bahan aktif *Imidachloprid*.

“Pihak UMP Ecopest memberikan jaminan selama dua tahun bagi produk Pisoptera dan dalam tempoh dua tahun ini akan dijalankan setiap enam bulan,” katanya yang juga merupakan ketua penyelidik produk ini.

Turut sama menyertai delegasi Pengurus Besar UMP Ecopest, Fikri Abdul Gani telah berlepas ke Assam dengan pihak Ajmal Perfumes.

Selain itu, rawatan susulan pertama dijangka akan dijalankan pada Februari 2019. Sekiranya pihak Ajmal Perfumes mendapati Pisoptera, mereka akan memberikan kawasan pokok gaharu yang diserang anai-anai yang lebih luas dengan menggunakan produk Pisoptera.

Beliau mengharapkan projek ini berjaya membantu menyelesaikan masalah berkaitan anak-anak dan pasaran yang lebih luas di persada antarabangsa.

PIMPIN anjur Kursus Perkahwinan bina keluarga

Oleh: MOHAMAD HASNUR ABDUL HAMID

Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kursus Agama Islam Pahang (JAIP) sebagai meneruskan usaha mendidik mahasiswa terhadap kepentingan mereka pada 22 Oktober 2018 yang lalu.

Program yang dihadiri seramai 250 mahasiswa ini turut memberi pendedahan awal tentang alam perkahwinan berumah tangga selain memberi panduan kepada para peserta berkaitan cara menguruskan proses perniagaan pernikahan hingga ke hari pernikahan.

Kursus ini juga memberi panduan bagi menghadapi konflik dalam rumahtangga dan cara mengatasinya dengan baik.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, program yang dibarisi sembilan orang penceramah para mereka yang berpengalaman dalam bidang kesihatan, pengurusan rumah tangga, komunikasi dan perundangan.

“Selama dua hari ini peserta berpeluang meningkatkan kefahaman dalam membina gerbang perkahwinan, memastikan gerbang rumah tangga yang dibina kekal serta bahagia,” katanya.

Program diadakan bersempena penganjuran Karnival Mahabbah UMP yang dapat memperkasakan perkembangan pembangunan insan dalam kalangan warga kampus.

Sebanyak 17 program disajikan sepanjang dua minggu karnival yang mendapat kerjasama Majlis Ugama Islam (MUIP), UMP Holdings (UMPH), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Pejabat Agama Islam (PAID) dan lain-lain.

Karnival pada kali ini juga mengambil pendekatan dengan mengupas mengenai isu-isu semasa yang sentiasa dihadapi.

Program yang berunsur kerohanian dan pembudayaan ilmu seperti ini diharapkan dapat terus subur di kalangan warga universiti yang bertakwa.

PIMPIN anjur Seminar Halalan Tayyiba Bincang Isu Halal

Oleh: USTAZ MOHAMAD HASNUR ABDUL HAMID, PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)

Seminar Halalan Tayyiba yang dianjurkan bersama oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dan Kemanusiaan merungkai isu berkaitan teknologi makanan, fiqh dan berkaitan kepenggunaan yang melata kepada kepakaran pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan pakar dari luar pada 21 Oktober 2018.

Tampil menjayakan program adalah Prof. Madya Dr. Hasan Ahmad, Ustaz Tuan Sidek Tuan Muda, Dr. Azhar Yunus membentangkan projek Gelatin Halal UMP-MARA. Manakala Ustaz Samir Sulaiman yang merupakan ahli JAKIM membentangkan tajuk 'Isu dan Cabaran Pensijilan Halal' disusuli Ustaz Fahrur Rozi dari IRHAM 'Halal Industri'. Menurut Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail, objektif yang ingin dicapai dari penganjuran ini adalah tentang kepentingan halalan tayyiba kepada pengguna dan pengusaha industri barangan kepenggunaan harian dan pengusaha tentang pensijilan halal Malaysia. Perkongsian pengalaman ini memperkenalkan kepada pembangunan halal negara khususnya di Pantai Timur melalui platform Pusat Latihan dan Konsultansi Halal bekerjasama UMP Consultancy Sdn. Bhd., Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan turut mendapat sokongan daripada Agama Islam Pahang serta Majlis Ugama Islam Pahang dan Perunding Latihan Halal Bertauliah dari Jabatan Halal.

Turut berlangsung sesi Forum Khas Halal yang dibarisi Pengurus Besar Bahagian Halal & Pematuhan Syariah Halal Saludin, Presiden Persatuan Muslim Profesional Jepun, Akmal Abu Hassan dan Ketua Penolong Pengarah Halal Noridzuan Abdul Manan. Turut hadir dalam program ialah Timbalan Pengarah MARA Negeri Pahang, Haji .

-
- 140 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

